

07 JUL 2001

Mahathir-Pembangunan

M'SIA ANTARA NEGARA MEMBANGUN PALING MAJU, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 7 Julai (Bernama) -- Malaysia kini adalah antara negara membangun yang paling maju di dunia hasil usaha pembangunan berterusan yang dibawa oleh kerajaan Barisan Nasional (BN) sejak merdeka lagi, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata kemajuan ini dapat dicapai kerana kerajaan BN sejak zaman parti Perikatan telah mengutamakan pembangunan negara dan rakyat.

"Benih-benih kepada kemakmuran yang dicapai hari ini telah ditanam oleh bekas perdana menteri Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj.

"Nasib baik masa menuntut kemerdekaan kita ada pemimpin yang baik, berhati besar dan suka bekerja dengan semua kaum," katanya pada ucap tama Konvensyen BN di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Dr Mahathir, yang juga Pengerusi BN, berkata konsep BN menjurus kepada kepercayaan bahawa kekayaan negara perlu dikongsi bersama dengan mengambil kira kedudukan pelbagai kaum di negara ini.

Beliau berkata ketika merdeka Malaysia jauh ketinggalan daripada pelbagai segi dengan rakyat hidup merana kerana tiada jaminan peluang kerja dan makanan yang tidak mencukupi.

"Malaysia yang kita warisi daripada penjajah amat miskin, sama taraf dengan negara-negara miskin yang terdapat pada zaman itu, daif, tiada kemudahan sekolah, universiti atau jalan seperti yang ada di negara maju ketika itu," katanya.

Dr Mahathir berkata pada masa itu hanya 10 hingga 15 orang rakyat Malaysia mampu melanjutkan pelajaran ke luar negara iaitu satu keadaan yang amat berbeza berbanding sekarang.

Katanya rakyat pelbagai suku kaum hidup terasing antara satu sama lain dengan tiada perhubungan dan persahabatan sesama mereka.

Namun, katanya, berkat usaha kerajaan BN pendapatan per kapita yang pada masa merdeka hanya sekitar AS\$300 telah meningkat kepada AS\$4,000 sekarang.

Dr Mahathir berkata ketika baru merdeka banyak pihak menganggap kerajaan hanya mampu memerintah tetapi tidak akan mampu membangunkan negara.

"Tetapi tiada yang bermimpi satu hari kita akan memiliki kereta nasional, syarikat kita masuk dalam senarai 500 syarikat besar majalah Fortune dan barang kita diedarkan ke seluruh dunia dan menjadi produk bertaraf dunia," katanya.

Dr Mahathir berkata banyak pemimpin yang berjumpa beliau kagum dengan konsep BN dan bertanya bagaimana gabungan besar ini dapat diuruskan dengan begitu baik sehinggakan mereka telah cuba mempraktikkan konsep ini di negara mereka.

Beliau berkata BN berjaya kerana konsepnya yang sebegitu rupa di mana semua parti komponen diberi pengiktirafan yang sama tanpa mengira saiz dan layanan yang sama dalam Dewan Tertinggi BN.

-- BERNAMA

RV SHS MAM AKD